Justeru itu, mengajar kelas dengan pelbagai latar belakang murid menjadi cabaran bagi guru dan sekolah dalam pelaksanaan PPI (Kefallinou et al., 2020). Cabaran yang melibatkan guru dilihat berkaitan dengan aspek perancangan dan pelaksanaan PPI itu sendiri (Amin Mohd Norliah & Yasin, 2016a). Antara cabaran yang dihadapi oleh guru termasuklah kemahiran mengendalikan pengajaran yang melibatkan





faktor kekurangan pengetahuan dan latihan, penggunaan teknik pengajaran yang sama, sikap negatif guru aliran perdana, guru yang tidak bersedia mengajar, bilik darjah yang tidak kondusif, kurang sokongan infrastruktur dan jumlah murid MBPK dalam PPI (Ali & Nasri, 2021; Omar & Sulaiman, 2018).

Oleh itu, untuk mengatasi permasalahan kekurangan pengetahuan dan kemahiran guru, pihak sekolah perlu mengambil inisiatif untuk mengadakan seminar atau bengkel yang dapat meningkatkan kemahiran pedagogi guru. Selari dengan dapatan kajian oleh (Norlia Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016) mendapati sebanyak 50% guru menyatakan mereka memerlukan sokongan bantuan dalam memahami Pendidikan Inklusif dan cara mengendalikan MBPK melalui program pengembangan staf.



Berdasarkan kajian – kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif sama ada di luar dan dalam negara, kajian didapati terbatas dengan melihat kepada kesan pengetahuan dan sikap guru dalam pelaksanaan program Pendidikan Inklusif seperti kajian oleh (Lin et al., 2021; Maarof & Jalaluluddin, 2019; Omar & Sulaiman, 2018; Pit-ten Cate et al., 2018) serta kajian yang terhad menerangkan cabaran-cabaran pelaksanaan Pendidikan Inklusif seperti (Ali & Nasri, 2021; Nishan, 2018; Omar & Sulaiman, 2018).

Oleh yang demikian, menerusi kajian ini, pengkaji akan melakukan kajian terhadap amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah dengan menggunakan beberapa ciri reka bentuk kajian kualitatif untuk mendapatkan maklumat lebih mendalam berhubung amalan interaksi sosial guru aliran perdana yang terlibat mengajar MBPK di arus



perdana. Kajian ini turut dicadangkan oleh Lin et al., (2021) berkaitan penemuan faktor lain bagi pelaksanaan Program Inklusif secara kualitatif.

Dalam mempertingkatkan kemahiran interaksi sosial MBPK, guru bertindak sebagai agen sosial paling hampir di dalam kelas. Merujuk kepada Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru, Pendidikan Inklusif membuka peluang kepada MBPK untuk berinteraksi dan bersosial dengan murid arus perdana (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Oleh yang demikian, satu kajian tentang penerokaan amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah perlu diteliti dengan mendalam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu yang sering timbul dan dibincangkan oleh para penyelidik luar negara mahupun tempatan dalam konteks Pendidikan Inklusif adalah kesediaan guru itu sendiri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Malah pelbagai penerbitan ahli akademik tempatan juga antarabangsa membincangkan isu ini saban tahun. Hal ini membuktikan bahawa terdapat satu keperluan untuk memahami dengan lebih mendalam dan terperinci tentang realiti, kesukaran, kesulitan, halangan, cabaran serta strategi mereka dalam usaha memberi perkhidmatan pendidikan holistik kepada MBPK khususnya di arus perdana.

Terdapat pelbagai persepsi dan pandangan tentang definisi Pendidikan Inklusif. Menurut Peraturan Pendidikan Khas tahun 2013, Pendidikan Inklusif didefinisikan

sebagai program pendidikan yang membolehkan murid berkeperluan khas untuk belajar di kelas yang sama dengan murid lain di sekolah perdana dan swasta (UNESCO, 2018). Dengan merujuk Akta Orang Kurang Upaya, 2008, Malaysia berpendirian bahawa OKU mempunyai hak akses pekerjaan yang sama. Oleh itu, kerajaan dan pemain industri pendidikan swasta tidak boleh mengecualikan OKU daripada mengikuti pendidikan pra sekolah, rendah, menengah dan tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a).

Selain itu, pihak kerajaan turut menyediakan keperluan prasarana, kelengkapan dan bahan pengajaran, kaedah pengajaran kurikulum, dan bentuk sokongan lain yang dapat memenuhi keperluan individu atau kanak-kanak kurang upaya. Bukan itu sahaja, isu kesediaan guru turut dibahaskan dalam sidang parlimen sebagai memastikan guru sebagai agen pelaksana Pendidikan Inklusif memaksimumkan segala fasiliti yang disediakan kerajaan untuk meningkatkan potensi MBPK (Malaysia, 2019).

Dari **Jadual 1.1** terdapat peningkatan positif ke atas enrolmen MBPK di PPI dari tahun 2019 hingga 2023 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2023). Trend peningkatan ini disumbang oleh inisiatif kerajaan dalam membuka lebih peluang kepada MBPK untuk menjadi sebahagian dari ahli komuniti pendidikan arus perdana menerusi Dasar Penolakan Sifar (Abdullah Mohd Anuar & Abdullah Mohd Anuar, 2020; Chin, 2020).

Jadual 1.1

Rumusan Enrolmen Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Mengikut Program Dari Tahun 2019-2023

KATEGORI/TAHUN	2019	2020	2021	2022	2023
SPK	2,498	2,649	2,676	2,710	2,858
PPKI	69,628	74,447	78,802	85,362	94,237
PPI Arus Perdana	16,293	16,855	16,758	17,713	18,949
KESELURUHAN	88,419	93,951	98,236	105,785	116,049

(Sumber: <https://www.moe.gov.my/pendidikankhas/2023file>)

Keadaan ini dijangka terus menunjukkan trend positif berikutan pelaksanaan PI telah memasuki Gelombang 3 (2021-2025) dalam pelaksanaan PI (Amin Mohd Norlia & Yasin, 2016b; Haslinah Binti Abdullah; Hairiah Binti Munip, 2020). Peningkatan enrolmen MBPK dalam arus perdana membuktikan bahawa keyakinan ibubapa yang semakin memahami maksud Pendidikan Inklusif kian meningkat. Menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 8 Tahun 2019: Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (Model Holistik) bagi MBPK secara berperingkat mulai tahun 2020.

Sekolah yang melaksanakan PPI (Model Holistik) boleh menjadikan Garis Panduan Program Pendidikan Inklusif MBK (Edisi 2018) dan Modul Pelaksanaan Program PPI sebagai panduan dalam merancang, menyedia dan melaksanakan PPI (Model Holistik) untuk MBK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Justeru, guru antara barisan hadapan yang wajar diberi tumpuan untuk memastikan mereka bersedia dari pelbagai aspek kompetensi agar dapat memenuhi keperluan pembelajaran murid (Goliong Losius et al., 2016; Norfariza & Nur Fadhillah, 2018).

Sementara itu, pelaksanaan Pendidikan Inklusif di negara Asia seperti di Indonesia misalnya, mengikut Peraturan No. 70/2009 mentakrifkan Pendidikan Inklusif sebagai satu sistem yang memberi peluang kepada semua murid bermasalah dan mereka yang berbakat ataupun yang mempunyai bakat istimewa untuk menyertai pendidikan bersama-sama dengan rakan sebaya mereka (UNESCO, 2018). Sebaliknya di Singapura, hak istimewa diberikan kepada murid yang berkeperluan khusus ataupun orang kurang upaya (OKU). Ini dibuktikan oleh (UNESCO, 2021c) 3rd Enabling Masterplan Ke-3 2017–21 (3EMP), hala tuju pelan negara untuk orang kurang upaya, mentakrifkan masyarakat inklusif sebagai masyarakat di mana orang kurang upaya diiktiraf, diberi kuasa dan diberi peluang untuk menjadi ahli masyarakat yang penting dan menyumbang kepada negara.

Definisi dan amalan Pendidikan Inklusif di Brunei tidak jauh beza dengan Akta Pendidikan Malaysia (Zaini Abdullah, 1996). Brunei mendefinisikan Pendidikan Inklusif sebagai suatu program pendidikan yang memberikan hak sama rata untuk anak-anak dan murid termasuk mereka yang kurang upaya dan mereka yang berkeperluan khas untuk belajar dengan pengajaran dan iklim belajar yang sama dengan dengan rakan mereka (UNESCO, 2018). Guru *resos* dan guru pakar yang mengajar murid dilatih untuk menyediakan strategi intervensi untuk membantu murid berkeperluan khas dan SEN, selain membantu berkongsi maklumat dengan ibu bapa, bekerjasama di dalam organisasi sekolah dalam melaksanakan pendekatan bersesuaian, memudahkan kemasukan dan penyertaan aktif setiap murid di sekolah (International Bureau of Education, 2009).

Sementara di Filipina pula, Pendidikan Inklusif ditakrifkan sebagai akses pendidikan kepada orang kurang upaya dan diperluas kepada murid yang masih kurang



dalam segi sosio-ekonomi (UNESCO, 2018). Berdasarkan dari definisi yang mewakili negara di Asia Tenggara iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei dan Filipina dirumuskan bahawa peluang pembelajaran sama rata bagi murid berkeperluan khas adalah hak yang tidak boleh dinafikan yang turut disokong oleh pelbagai deklarasi antarabangsa antaranya Deklarasi Salamanca (UNESCO, 1994).

Melihat kepada amalan Pendidikan Inklusif dari dimensi negara maju di Eropah seperti Rusia, Jerman, dan England mereka memberikan definisi Pendidikan Inklusif sebagai pendidikan untuk semua “*education for all*”. Ia selaras dengan definisi dari lensa Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, peraturan tentang Pendidikan Inklusif masih diperdebatkan di Jerman (Deutsches Unesco-Kommision, 2021). UNESCO menegaskan bahawa Pendidikan Inklusif adalah peluang yang sama bagi semua orang untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti tinggi dan suatu platform mengembangkan potensi mereka tanpa mendiskriminasikan keperluan belajar setiap MBPK. Ia turut merangkumi jenis jantina, status sosial dan ekonomi. Kumpulan data empirikal di dunia menunjukkan bahawa individu kurang upaya dan keluarga mereka berpotensi mengalami gangguan dari sudut ekonomi dan sosial berbanding dengan mereka yang normal (WHO, 2011).

Menerusi undang-undang OKU 2010 murid dibenarkan mendapatkan pendidikan di dalam bilik darjah yang sama, namun di Rusia pendidikan OKU diberikan dengan persekitaran berasingan (Ketrish et al., 2019). Setiap wilayah di Rusia mempunyai strategi mereka tersendiri, misalnya di Moscow. Manakala di Sverdlovsk berdasarkan Undang-Undang Pendidikan 2013 pendidikan untuk OKU disediakan dan kelas ataupun berasingan secara individu. Berbeza di Rostov, Undang-Undang Pendidikan 2004 dipinda pada 2008, Art. 5.2.5 menggalakkan OKU mengalami



pembelajaran di institusi pendidikan komprehensif pemulihan khas atau di sekolah berasrama penuh. Dengan mengambil kira status murid kurang upaya, kemudahan asrama juga diberikan kepada pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar disebabkan jarak dan cuaca yang buruk.

Sementara undang-undang pendidikan 1981 di England dilihat lebih kompleks disebabkan wujudnya kepentingan perundangan. Namun, hasil dari desakan dan cadangan yang diusulkan oleh Warnock Report, 1978 telah mengubah landskap pendidikan khusus kepada *Special Education Need* (SEN) supaya ianya lebih bersifat holistik dan berfokus kepada penyediaan memenuhi keperluan MBPK (Losberg & Zwozdiak-Myers, 2021). Undang-undang ini juga membantu kerajaan mempromosikan bentuk persepsi positif ke atas anak-anak dan remaja normal tentang SEN selain membawa matlamat inklusif lebih mengkhusus di sekolah-sekolah awam.

Jerman berpendirian untuk membuat suatu sistem lebih fleksibel untuk SEN (*European Agency for Special Needs and Inclusive Education*, 2020). Sejak tahun 1980-an, murid-murid kurang upaya mendapat liputan perhatian meluas di mana mereka dimasukkan dalam sekolah arus perdana dibawah projek rintis sekolah. Pelbagai bentuk usaha kolaboratif yang agresif dilakukan di antara sekolah khas dan sekolah aliran perdana di mana pengajaran inklusif telah dibangunkan di dalam bidang sains pendidikan (*European Agency for Special Needs and Inclusive Education*, 2020). Jerman menjadikan agenda pendidikan dengan memberi fokus kepada tujuan pendidikan 2030 bagi memastikan Pendidikan Inklusif berkualiti tinggi dicapai di samping menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat (S Susanne et al., 2020).

Selain dari mengenalpasti pelbagai terjemahan definisi Pendidikan Inklusif oleh negara-negara Asean mahupun negara Eropah, amalan pelaksanaan Pendidikan Inklusif perlu dilihat dari aspek guru dan kurikulum yang digunakan untuk SEN misalnya di Singapura. Menerusi laporan UNESCO 2021, *The Early Childhood Development Agency* (ECDA) berkolaborasi dengan *The National Institute of Early Childhood Development* (NIEC) dan institusi latihan Singapura untuk melengkapkan guru dengan pemahaman asas pendidikan khas. Guru dilatih untuk mempelajari tingkah laku MBPK menggunakan pelbagai strategi mengajar berbeza sesuai dengan keadaan murid yang diajar. Semua sekolah mendapat bantuan daripada ahli psikologi pendidikan yang ditempatkan kementerian pendidikan bagi memberi perkhidmatan sokongan penilaian dan perundingan berkaitan sistem intervensi sekolah yang sesuai dengan keadaan pelajar yang ada kepada guru sekolah (Hairon & Tan, 2017).

Amalan pelaksanaan Pendidikan Inklusif Singapura tidak jauh berbeza dengan Malaysia. Seajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, ianya telah dirancang dengan memasukan modul latihan mengenai pengajaran dan pembangunan pendidikan khas, yang berfokus kepada pendekatan, teknik pengajaran khusus, dan psikologi dalam program latihan dalam perkhidmatan (Bahagian Pendidikan Guru, 2009). Di samping itu juga, Malaysia turut melakukan usaha kolaboratif sebagaimana Singapura bilamana lima kementerian terlibat iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Sumber Manusia mempunyai peranan masing-masing dalam pendidikan khas di Malaysia (Hishamudin A et al., 2020).

Inisiatif kolaboratif dilaksanakan dan mewujudkan kumpulan pelbagai disiplin iaitu doktor, ahli terapi dan pakar lain untuk memberi pengetahuan termasuk melatih guru-guru dalam keperluan pendidikan khas. Sebagai tanda sokongan kepada deklarasi antarabangsa, KPM turut memberi komitmen penuh dalam melatih pentadbir dan pelaksana sekolah menjayakan program Pendidikan Inklusif. Selain itu juga, terdapat kurikulum yang digunakan untuk pendidikan khas dikenal sebagai kurikulum alternatif yang lebih fleksibel dan relevan dengan keperluan semasa murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Program Pendidikan Inklusif (PPI) untuk Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) ini dimulakan pada tahun 1987 di bawah KPM. Ia digubal selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang seiring dengan tuntutan deklarasi antarabangsa untuk memberi peluang pendidikan kepada semua murid pendidikan khas tanpa diskriminasi (A L Nur Asyikin et al., 2021). Di bawah inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Pendidikan Inklusif telah berada dalam kelasnya tersendiri.

Merujuk kepada Bab 4 dalam PPPM, KPM merancang untuk memberi akses kepada MBPK menyertai Pendidikan Inklusif di bawah Pelan Tindakan: Mengajak kepada Pendidikan Inklusif menerusi tiga siri iaitu Gelombang 1 (2013-2015) Mengukuhkan asas sedia ada, Gelombang 2 (2016-2020) Meningkatkan pelaksanaan inisiatif dan Gelombang 3 (2021-2025) Menilai dan menyatukan inisiatif. Ia bertujuan untuk meningkatkan enrolmen MBPK di PI dengan sasaran enrolmen MBPK di dalam



PI adalah 30% dalam Gelombang 1 kepada 75% dalam Gelombang 3 pada tahun 2025. Sasaran ini dilihat mampu direalisasikan apabila enrolmen MBPK dalam Gelombang 2 adalah 58.87% (Abdullah Haslinah & Munip Hairiah, 2020).

Dengan trend peningkatan enrolmen MBPK sekolah rendah dan sekolah menengah impak dari pelaksanaan Dasar *Zero Reject Policy* secara berperingkat bermula tahun 2019 (Ali Mazidah et al., 2021), ia merupakan suatu cabaran buat semua pihak. Biarpun kini, pelaksanaan Pendidikan Inklusif telah berada di peringkat Gelombang 3 (2021-2025), masih terdapat banyak kajian dilakukan ke atas pelaksanaan PPI ini (Haslinah Binti Abdullah; Hairiah Binti Munip, 2020).

Fenomena yang berlaku ini menjadi latar kajian pengkaji. Guru aliran perdana memiliki peranan dalam kejayaan pelaksanaan Pendidikan Inklusif di sekolah menengah. Ini kerana MBPK yang mengikuti Pendidikan Inklusif di sekolah rendah akan berada di sekolah menengah bagi meneruskan pembelajaran di arus perdana. Justeru, sistem pendidikan berfungsi sebagai platform bagi pelajar untuk berinteraksi agar kesefahaman dan toleransi dapat dicapai di peringkat seterusnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Sejak Penyata Salamanca diterbitkan pada tahun 1994, terdapat sejumlah besar penyelidikan telah menangani isu-isu berkaitan Pendidikan Inklusif. Walaubagaimanapun, masih terdapat beberapa isu yang dilihat memerlukan kajian di lapangan tanpa menjejaskan pencapaian yang telah dicapai penyelidik terdahulu (Nilholm, 2021). Dari penelitian terhadap kajian lepas oleh penyelidik luar negara mahupun penyelidik tempatan, didapati masih terdapat banyak isu dan permasalahan berlaku dalam pelaksanaan PPI ini antaranya ialah isu kesediaan dan penerimaan guru



perdana terhadap MBPK (Palaniandy et al., 2021; Mohamad Rozai Nur Hidayah & Jabor Mohd Khata, 2020; Moosa et al., 2020; Razalli Abdul Rahim et al., 2020; Tahar Mohd Mokhtar & Najib Farhana, 2019; E. Ecoben Michael, 2019). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencapaian guru aliran perdana dalam pelaksanaan Pendidikan Inklusif masih perlu dipertingkatkan dan memerlukan penambahbaikan dari pelbagai aspek amalan pelaksanaannya.

Sebagai pengkaji novis, pengkaji mengambil inisiatif meneroka aspek melibatkan interaksi sosial guru aliran perdana dalam pengajaran. Justeru, antara faktor utama yang mempengaruhi interaksi sosial guru aliran perdana di kelas arus perdana ialah kesediaan guru aliran perdana yang melibatkan aspek kesediaan menggalas tanggungjawab, mendidik, menerima MBPK, bekerjasama dalam menjayakan PI (Yusof Nurul Izzah & Ismail Hazhari, 2021).

Tahap kesediaan guru yang positif mendorong guru terlibat aktif dalam proses interaksi bersama murid di arus perdana tanpa meminggirkan MBPK (M R Norfishah, 2017). Hal ini disokong oleh kajian oleh (Nirmala P & Mohd Hanafi M Y, 2021) yang mendapati kesediaan guru membolehkan guru menguruskan kelas dengan baik kesan dari interaksi positif (Apak & Taat, 2018). Walaubagaimanapun, masih terdapat guru yang tidak memiliki kesediaan berinteraksi dengan MBPK secara optima (Nurmaganbetova et al., 2020a) disebabkan kurangnya pendedahan dan latihan mengurus MBPK di arus perdana.

Dalam kajian ini pengkaji meneroka elemen-elemen persediaan interaksi sosial guru aliran perdana selain tahap pengetahuan, sikap dan persepsi guru itu sendiri. Merujuk kepada kajian yang dijalankan Rohaizat Ibrahim & Abd Talib (2019)



menyatakan tidak terdapat perbezaan di antara tahap pengetahuan guru senior dengan guru *novis*. Ini bermaksud guru memerlukan latihan dan kursus dalam meningkatkan tahap pengetahuan mereka khususnya dalam disiplin Pendidikan Inklusif (PI). Pengetahuan yang dimiliki dan dikuasai guru menyediakan mereka ke arah PdPc lebih terancang dan berimpak buat murid (Tahar Mohd Mokhtar & Najib Farhana, 2019). Kajian lanjut diperlukan untuk mengenalpasti elemen lain selain yang dibahaskan oleh pengkaji terdahulu dalam kajian mereka.

Kajian ini disokong oleh S L Pau & M Y Mohd Hanafi (2021) mendapati tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap PPI berada pada tahap sederhana walaupun terdapat guru berpengalaman melebihi 10 tahun. Ini menunjukkan tempoh masa mengajar yang lama belum menjamin pengetahuan guru tentang Pendidikan Inklusif (PI). Tahap pengetahuan guru yang rendah baik guru aliran perdana mahupun guru pendidikan khas menunjukkan dua kumpulan guru ini berada di luar keupayaan dan pengetahuan mereka dalam Pendidikan Inklusif (M T L Joanna et al., 2020). Dapatan ini signifikan dengan kajian Ghimire (2017) dan Khalil et al. (2020) di mana tahap pengetahuan guru aliran perdana rendah dan perlu diberi latihan bagi meningkatkan tahap kesediaan guru dalam PI. Dua aspek pengetahuan dan sikap guru dijangka memberi impak ke atas interaksi sosial guru aliran perdana dalam PI.

Seterusnya, faktor sikap guru ke atas MBPK. Sikap positif guru membentuk sikap positif serta interaksi murid tipikal kepada MBPK di dalam kelas. Namun, hakikatnya masih terdapat guru aliran perdana beranggapan bahawa MBPK sepatutnya berada di sekolah khas dan bukan tanggungjawab guru aliran perdana (Hashim & Wan Mohamad Wan Muna Ruzanna, 2020). Penolakan ini jelas menunjukkan guru belum bersedia berada dalam latar Pendidikan Inklusif. Sebaliknya, (K. T Elizabeth &





P.Uthaman Seema, 2019) menyatakan bahawa sikap positif guru kepada MBPK di kelas PPI dalam masa yang sama menunjukkan sikap negatif terhadap MBPK yang bermasalah turut memberi kesan negatif ke atas perkembangan MBPK terlibat.

Namun, terdapat beberapa kajian yang menyatakan sebaliknya. Terdapat ramai guru yang yakin bahawa MBPK dapat belajar di kelas aliran perdana (M Zambri & H Jamilah, 2018; Saloviita, 2020; Z Zainoriza et al., 2019). Justeru, guru aliran perdana di dalam Pendidikan Inklusif dapat mengurangkan diskriminasi sosial dan persepsi negatif, meningkatkan keyakinan diri serta kemahiran interaksi sosial seterusnya memberikan kesan ke atas sikap mesra berkomunikasi terhadap MBPK. Keyakinan diri guru membuka lebih peluang untuk guru bersedia menjadi agen Pendidikan Inklusif di sekolah.



Selain itu, kewujudan faktor persepsi sempit mengenai konsep keperluan khas dan PI serta keutamaan yang masing-masing bersaing dalam sistem pendidikan negara hari ini telah membawa kepada pelbagai isu dalam pelaksanaan amalan inklusif di arus perdana misalnya pembentukan halangan untuk memasukkan MBPK sepenuhnya ke arus perdana menerusi inklusif penuh (Jelas & Mohd Ali, 2014). Satu kajian yang dijalankan di Kanada mendapati PI dilihat dari perspektif negatif oleh guru malah mereka tidak menjalankan peranan sewajarnya di sekolah (Woodcock & Woolfson, 2019). Situasi ini menjejaskan kesediaan guru menyediakan perkhidmatan pendidikan yang adil dan saksama buat semua murid di arus perdana.

Keadaan ini turut didorong oleh tahap pengetahuan guru yang rendah sebagaimana dapatan kajian M Mariani et al. (2017) yang dijalankan ke atas kanak-kanak dengan *Autism Spectrum Disorder* (ASD). Dapatan kajian ini berbeza dalam





kajian Baharom & Abd Majid (2017) dan Zainun et al. (2019) yang mendapati guru lebih berpandangan positif ke atas sikap dan kemahiran interaksi sosial MBPK. Selain dari itu, faktor-faktor sokongan seperti pengetua, keluarga, alat bantu mengajar (abm), rakan sebaya, pengetahuan dan kemahiran, interaksi positif, sikap memberi kesan ke atas pembentukan persepsi guru dalam PI (Chhabra Simmi et al., 2016). Persepsi positif memungkinkan guru lebih bersedia dengan pelbagai kemahiran juga pengetahuan.

Terdapat banyak kajian yang mengkaji sejauh mana peranan guru dalam kejayaan PPI di sekolah (Ianes et al., 2020). Keberkesanan peranan guru dipengaruhi oleh pelbagai dimensi cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab hakiki dalam profesion keguruan khususnya bagi guru aliran perdana yang terlibat dalam PPI (Ali & Nasri, 2021; Martin et al., 2021; Singal, 2019). Ringkasnya, cabaran yang dihadapi oleh guru aliran perdana dalam amalan interaksi sosial seharian mereka di sekolah dipengaruhi oleh empat dimensi cabaran yang dikenalpasti iaitu kemahiran sosial MBPK rendah, persepsi pelajar tipikal, gaya keibubapaan, dan amalan kepimpinan pengetua.

Kajian terdahulu mendapati kemahiran sosial MBPK masih lemah khususnya murid STEM yang berdepan kekangan komunikasi semasa pembentangan hasil inovasi kepada umum disebabkan strategi kognitif dan kemahiran metakognitif yang kurang berkesan (Armstrong Thomas, 2003). MBPK mengalami kesukaran berinteraksi kerana tidak mendapat intervensi (G B Neerusha & A Anila, 2019) baik dalam tugas kumpulan, aktiviti sosial yang lain selain dari mempunyai bilangan rakan sebaya yang terhad (Vasileiadis & Doikou-Avliadou, 2018). Kajian oleh (Kamarudin et al., 2019) turut mendapati MBPK Pendengaran berdepan kesukaran berkomunikasi semasa pembelajaran Bahasa Melayu. Murid tahun 3-6 didapati lemah dalam menguasai dua





jenis kod tangan yang berbeza. Oleh itu, kemahiran sosial yang lemah mengakibatkan penolakan MBPK di arus perdana (Hastuti et al., 2018; Norshidah Mohamad Salleh et al., 2018). Situasi ini tidak wajar dilihat dari penglibatan murid sahaja namun ia perlu melibatkan guru aliran perdana sebagai agen sosial paling hampir dengan MBPK untuk menangani cabaran dengan berhemah.

Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar tipikal dan guru aliran perdana tidak konsisten menerima murid kurang upaya. Dapatan kajian oleh M A Hamid Nur Adillah & Mohamed Suziyani (2020) yang dijalankan terhadap 30 orang pelajar normal tingkatan 1, 2 dan 4 di sekolah menengah di daerah Muar mendapati sikap mereka ke atas MBPK tidak konsisten disebabkan keengganan mereka untuk berkongsi rahsia dengan MBPK selain mendakwa MBPK tidak tahu berdikari dan perlukan lebih perhatian. Pernyataan ini disokong oleh penemuan dalam kajian oleh Woodgate et al. (2020) menunjukkan kecenderungan murid tipikal berinteraksi dengan MBPK berada pada tahap rendah berpunca dari ketidakupayaan MBPK itu sendiri. Natiujahnya, pengurusan bilik darjah dan proses interaksi guru aliran perdana sukar dilaksanakan di dalam kelas (Primus & Mosin, 2021). Ia dilihat sebagai gangguan utama yang menjejaskan interaksi sosial guru bersama MBPK.

Seterusnya, sikap ibu bapa juga dikenal pasti menjadi penyumbang kepada cabaran ke atas interaksi guru. Ibu bapa yang mempunyai anak bekerperluan khas menaruh harapan terlalu tinggi mengakibatkan pengukuhan tingkah laku negatif MBPK (Azizi et al., 2018). Selain itu sikap lepas tangan ibu bapa mewujudkan jurang komunikasi di antara ibu bapa dan guru (Sa' don Zubir, 2019). Malah kajian ke atas ibu bapa murid dengan disleksia di luar bandar di Kelantan mendapati mereka tidak faham punca dan rawatan berkaitan disleksia (Tuan Yazid Tg Iffah & Yin See Soo, 2015).





Ketidakupayaan ibu bapa memahami keperluan MBPK menyukarkan proses interaksi mereka dengan guru (Azizi et al., 2018). Ia ditambah buruk dengan sikap penafian terus dari ibu bapa terhadap MBPK.

Sokongan ibu bapa yang rendah turut mengakibatkan pencapaian MBPK dengan masalah pendengaran rendah (Asmawi et al., 2020; Paskaran Thilakavathy & M Y Mohd Hanafi, 2020). Keadaan ini ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang terlalu melindungi MBPK turut menjejaskan tahap kesihatan mental ibu bapa apabila mereka tidak dapat memberi respon dengan baik (Clauser et al., 2020; M Mohd Suhaimi & R Nur Natasha Amelia, 2018). Malah didapati ibu bapa atau penjaga sukar untuk berinteraksi dengan MBPK selepas waktu persekolahan akibat ketiadaan bahan rangsangan pembelajaran sebagaimana yang digunakan guru di sekolah (Wong et al., 2024). Kewujudan interaksi guru dan penjaga MBPK membina satu jaringan positif dapat menyokong kemajuan sosial MBPK di sekolah. Malah keadaan menjadi sebaliknya andai kedua pihak gagal mencapai kata sepakat dalam jaringan komunikasi di sekolah.

Kejayaan sesebuah organisasi amat berkait rapat dengan gaya kepimpinan pengetua. Kepimpinan pengetua yang lemah akan merosakkan struktur organisasi sekolah (Jamaludin et al., 2021). Pengetua mahupun barisan pentadbir akan dilihat memberi arahan sepanjang masa dari dilihat sebagai pemudah cara bagi sesuatu tugas. Konflik tercetus bila mana barisan pentadbir gagal memahami dan memenuhi keperluan kakitangan (Woodcock & Woolfson, 2019). Cabaran seumpama ini menjadi bom jangka meledak daya tahan mental guru dalam jangka masa panjang. Di samping itu, terdapat pengetua yang tidak memiliki daya sensitiviti tinggi dalam menghargai inisiatif guru aliran perdana yang cemerlang di dalam Pendidikan Inklusif (Alias et al.,





2020). Keadaan ini memberi impak ke atas keupayaan interaksi sosial guru secara efektif di dalam organisasi sekolah khususnya dalam PPI.

Sebaliknya, dapatan kajian oleh Nordin Mohd Norazmi et al. (2020) menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kepimpinan guru besar dan beban tugas guru. Perkara ini membuktikan bahawa semakin berkesan kepimpinan guru besar maka bebanan guru di bawah kepemimpinannya semakin meningkat. Keadaan ini menyumbang kepada berlakunya konflik di dalam kepimpinan sekolah selain menjejaskan proses interaksi sosial dalam kitaran sosial sekolah (B F Olowo et al., 2020; Bronfenbrenner Urie, 1979). Konflik yang berlaku dalam kitaran sosial menyukarkan guru untuk berinteraksi di lapisan seterusnya akibat gangguan emosi berpanjangan (Jennings et al., 2017).



Dari beberapa cabaran yang dijelaskan sebelum ini, pengkaji turut membincangkan strategi yang sesuai dalam mendepani cabaran ke atas interaksi sosial guru aliran perdana. Dalam amalan pedagogi inklusif, guru perlu merancang dan menyusun kurikulum sebelum mengajar (Losberg & Zwozdiak-Myers, 2021). Hasil kajian lepas mendapati terdapat 60% guru masih menggunakan teknik dan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang sama untuk semua murid di kelas malah, mereka tidak memperoleh pengetahuan mengenai pedagogi inklusif (Norliah & Mohd Hanafi, 2016). Keadaan ini menjejaskan pemberian sokongan emosi kepada murid, kemahiran pengurusan kelas serta pemberian sokongan instruksional semasa pengajaran secara tidak langsung.

Perkara ini disokong oleh kajian Salleh Siti Fatimah & Che Omar Mustafa, (2018) terdapat kekurangan dari segi amalan strategi pengajaran, akomodasi atau



adaptasi yang khusus terhadap PdPc yang dijalankan. Ianya berkait rapat dengan kefahaman pedagogi yang rendah di kalangan guru aliran perdana di dalam Pendidikan Inklusif. Hal ini dibuktikan di mana pada tahap tertentu guru melaksanakan strategi pedagogi yang sejajar dengan alat dan kemahiran pedagogi dalam pengajaran guru. (Solem & Skovholt, 2017). PdPc berkesan menuntut kemahiran pedagogi guru yang tinggi serta penggunaan alat bantu mengajar yang menarik dan berkesan.

Didapati guru berusaha menyediakan pengajaran yang kondusif untuk MBPK dan murid tipikal dalam Pendidikan Inklusif mengikut tahap kemahiran pedagogi guru itu sendiri (Maarof & Jalaluddin, 2019). Hal ini berbeza dengan dapatan kajian oleh Haris & Khairuddin (2021) mendapati terdapat perbezaan ke atas kemahiran sosial MBPK di mana mereka mulai yakin untuk bersosialisasi dalam kumpulan, mempunyai rasa tanggungjawab serta mampu berdikari selepas guru menggunakan kaedah pembelajaran bersama. Ringkasnya, guru mengaplikasi strategi belajar secara berkumpulan untuk menggalakkan penglibatan murid dalam PdPc.

Keperluan menjalani Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau sering disebut sebagai PLC (*Professional Learning Community*) berdepan cabaran dalam membuat transformasi sosial. Ia memerlukan penglibatan semua pihak khususnya warga pendidik berkolaborasi secara aktif dan positif. Program latihan guru yang direka bentuk dan di struktur semula berupaya membawa perubahan dalam kurikulum. Malah pembinaan Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif) adalah satu strategi meningkatkan kefahaman guru aliran perdana yang boleh digunakan semasa PLC (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018b). Ia dapat mewujudkan perubahan sikap dan persepsi guru positif ke atas MBPK di arus perdana (Marimuthu & Cheong, 2015). Pendedahan guru terhadap ilmu serta kemahiran



mengajar membuka lebih banyak sisi positif yang dapat dipamerkan guru dalam interaksi sosial mereka bersama murid.

Semua guru di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia memerlukan suatu bentuk modul pembangunan pengajaran meliputi aspek pengetahuan, kemahiran dan teknik pengajaran di dalam pelaksanaan KPP di sekolah (Ismail Siti Nafisah et al., 2018; Saad Khairul Anuar et al., 2017; Ismail Kamarudin et al., 2019). Sementara itu, di Australia pelaksanaan KPP dilihat menyokong pembelajaran guru, memberi kesan ke atas pengajaran guru di bilik darjah dan memberi kelebihan kepada guru bekerja secara kolaboratif (Caroline & Thompson, 2017). Strategi ini perlu berfokus kepada satu sasaran yang jelas, diminitkan serta direkodkan agar pembelajaran dapat dilakukan secara berterusan dengan membuat penambahbaikan pada strategi terdahulu.



Sejajar dengan peningkatan enrolmen MBPK ke Program Pendidikan Inklusif dalam tempoh lima tahun (2018-2022), didapati tiada satu model yang jelas berkaitan kemahiran interaksi sosial dalam pengajaran guru arus perdana. Ia juga mendorong pengkaji untuk membuat penerokaan secara terperinci dan mendalam bagi mengenal pasti tema-tema baru yang menyokong dapatan kajian kelak. Ianya dapat digunakan sebagai panduan kepada pentadbir khasnya memilih guru kompeten dan berkredibiliti serta layak untuk mengajar MBPK di kelas perdana selain menyediakan murid dengan pengajaran dan pembelajaran berkesan agar murid sedia menduduki peperiksaan awam seperti Ujian Akhir Standard Akademik (UASA) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini didapati relevan dilaksanakan bagi meneroka amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah di akhirnya memberi manfaat kepada semua pihak khasnya MBPK.





Gabungan dari semua elemen yang dinyatakan, pengkaji memilih untuk menjalankan kajian kualitatif kes tunggal ke atas amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru. Ia bertujuan untuk membuat penerokaan lanjut berhubung amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana ke atas MBPK yang mengikuti Pendidikan Inklusif secara sepenuh masa di sebuah sekolah menengah di negeri Selangor.

Bertitik tolak daripada deklarasi Salamanca (1994) dan Akta Pendidikan 1996, pengkaji bercadang membina satu model interaksi sosial pengajaran guru aliran perdana yang dapat difahami serta diaplikasi dalam rutin pengajaran harian mereka. Model interaksi sosial yang dibina ini bukan usaha menidakan dapatan kajian pengkaji lepas namun ia sebagai usaha menguji dan membuat penelitian terhadap model yang sesuai dengan budaya tempatan. Sehingga kini, belum ada kajian yang dijalankan untuk meneroka amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana. Justeru, bagi memenuhi kelompongan ini, pengkaji mengambil inisiatif menjalankan kajian yang memberi fokus kepada isu pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif di Malaysia melibatkan amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana.

Isu ini turut dikemukakan dalam Modul Latihan Pembangunan Profesional Guru (Pendidikan Inklusif) dan perlu dibaca bersama Garis Panduan Pendidikan Inklusif Murid Berkeperluan Khas (MBK) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018a). Ia disokong dengan dapatan kajian Nurmaganbetova et al. (2020) yang menunjukkan bahawa masih terdapat guru yang tidak bersedia berinteraksi dengan MBPK secara optima. Oleh itu, kajian ke atas amalan interaksi sosial dalam pengajaran guru aliran perdana ke atas MBPK menerusi Pendidikan Inklusif di sekolah menengah adalah perlu berikutan tiada kajian seumpama ini dijalankan di Malaysia.



Hasil sorotan ke atas isu kesediaan guru aliran perdana dalam Pendidikan Inklusif merumuskan bahawa terdapat jurang atau *gap* permasalahan kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam **Jadual 1.2** berikut.

Jadual 1.2

Jurang Atau Gap Permasalahan Kajian

No	Penulis/Tajuk/ Tahun/ Tempat Terbit/Jenis Penerbitan	Dapatan Kajian	Metodologi/ Instrumen/Sampel	Jurang/Gap
